



JKR NEGERI JOHOR
NOTIS SEBUT HARGA KERJA

JKRJ/SH/PERS/KDNST/5/2026

**KERJA PEMBAIKAN KERETAKAN DAN MENGECAT SEMULA KESELURUHAN DINDING LUAR
BANGUNAN KOMPLEKS KDN NEGERI JOHOR TAHUN 2026 (BLOK 1)**

1. Sebut Harga adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Johor** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah dalam Gred **G3** Kategori **B** Pengkhususan **B24**.
2. Kontraktor **WAJIB** mengemukakan **Borang Pengisytiharan Pemunya Beneficial (BO)** dan **Surat Akuan Syarikat dalam Menangani Jenayah Pemerdagangan Orang dan Buruh Paksa (SA)** yang telah lengkap diisi dan **Sijil Pematuhan Cukai (Tax Compliance Certificate – TCC)** hendaklah dihantar bersama-sama Dokumen Sebut Harga.
3. Lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** (Petender hendaklah kemukakan Sijil Pendaftaran Asal CIDB (Perakuan Pendaftaran Kontraktor & Sijil Perolehan Kerja Kerajaan) & PPK (Sijil Taraf Bumiputera), SSM (Sijil Pendaftaran Syarikat). **Surat Kebenaran Khas CIDB adalah tidak dibenarkan**. Kontraktor **WAJIB** berdaftar dan disahkan dalam sistem S3PK sebelum tarikh taklimat/lawatan tapak. Hanya kontraktor berdaftar dibenarkan hadir. Walk-in **TIDAK DIBENARKAN**. Taklimat akan diadakan seperti berikut:
Tarikh : **20/07/2026**
Masa : **09:30 pagi - 10:00 pagi** (Pendaftaran)
10:30 pagi (Jangkaan Taklimat)
Tempat : **Bilik Mesyuarat KDN, Aras 17, Blok 1, Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN), Taman Setia Tropika, 81200 Kempas, Johor Bahru, Johor**

(Perhatian: Kontraktor tidak dibenarkan menghantar wakil untuk hadir lawatan tapak)

4. Harga Dokumen Sebut Harga adalah sebanyak **RM50.00 (Ringgit Malaysia: LIMA PULUH SAHAJA)** dan perlu dijelaskan selewat-lewatnya pada **22/07/2026** jam **11:45 malam**. Kontraktor hendaklah memuatnaik slip bayaran dalam ruangan yang disediakan
5. Emel pengesahan bayaran berserta no siri unik akan dihantar melalui **EMEL RASMI SYARIKAT YANG AKTIF SAHAJA** (Emel persendirian tidak dibenarkan) Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun dari laman sesawang S3PK, bermula dari **24/07/2026** sehingga **27/07/2026** setelah menerima emel pengesahan bayaran.
6. Dokumen sebutharga dalam bentuk salinan cetak yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dengan serahan tangan atau perkhidmatan pos dan dimasukkan ke dalam **Peti Tawaran Sebut Harga JKR NEGERI JOHOR, Bahagian Kontrak & Ukur Bahan** Pejabat Pengarah Kerja Raya Johor Aras 4-5, Bangunan Dato' Abdul Rahman Andak 79582 Kota Iskandar Johor **TIDAK LEWAT DARI JAM 12.00 tengah hari, hari ISNIN, 03/08/2026**.
7. Sebarang pertanyaan sila emel ke **johorfasiliti@gmail.com**

Sr. MOHAMED NIZAM BIN YUSOF, CQS
Juruukur Bahan Penguasa
07/07/2026

